

## GAMBAR KULIT

Tiga orang perempuan yang tertera di sini ialah anak kepada Sahib al-Fadhilah Kiyai Fadhlullah Suhaimi (dari kanan ke kiri: Cik-cik Kamiliah, Saadah, dan Saidah Suhaimi yang pada masa ini sedang menuntut agama di Mesir. Kedatangan ketiga-tiga anak Sahib al-Fadhilat ini telah memeranjatkan orang-orang di Mesir oleh kerana dengan ketibaannya itu baharulah rupanya diketahui di Mesir belum ada Sekolah-sekolah Tinggi Perempuan sehingga pada permulaannya payah hendak meletakkannya dalam perkara pelajaran ini. Juga kita tahu bahawa negeri yang telah terpengaruh oleh tamadun Barat itu rupanya kaum ibunya masih gah pada kulitnya sahaja kerana sehingga ini belum



ada seorang pun perempuan Mesir yang menjadi ahli parlimen Mesir seperti yang ada di Indonesia. – Gambar Mastur Zahri Kaherah khas bagi Qalam.

## GAMBAR HADIAH



Gambar hadiah ini ialah gambar Presiden Sukarno sedang duduk di dalam pejabatnya di Istana Merdeka, di Jakarta. Oleh sebab keadaan yang suntuk maka kita berdukacita tak dapat membuatnya dengan cukup baik dan dengan ini kita meminta maaf kepada pembaca-pembaca – mudah-mudahan di belakang kelak kita akan dapat menerbitkan gambar-gambar hadiah kita lebih baik daripada apa yang ada sekarang. – Gambar A.F.B

Telah terbit!

Buku yang menggemparkan!

## SYAFIK AFENDI DENGAN FARIDAH HANUM

-----\*-----\*-----

Buku ini karangan Almarhum As-Syed Syeikh Hadi telah dicetak dua kali dalam tahun 1928 sekarang telah dicetak semula dengan diberi kulitnya yang berwarna daripada gambar yang baik. Buku ini dijadikan empat penggal – Insya-Allah akan diterbitkan berturut-turut dengan segera harga senaskhah \$1.00 tambah pos 10 sen jika dipesan empat penggal sekali tiada kena belanja pos.

-----

## BERDERMALAH KEPADA DERMA NADRAH!

Jika tuan-tuan membeli sekeping gambar cik Nadrah bermakna tuan-tuan bertanggungjawab kepada agama Islam kerana hasil jualan gambar ini diserahkan kerana membelanya.

Pesanlah beramai-ramai !! Harga sekeping 50 sen lain belanja pos.

**QALAM**

356, Geylang Road, Singapore